

PERANAN JAWATANKUASA PENDAMAI DALAM APLIKASI SULH DI MAHKAMAH SYARIAH

MOHAMMAD NOR ANWAR BIN MOHD SABRI¹

anwar_alwalid@yahoo.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Tel: +6011-14807651

NOR'ADHA BINTI ABDUL HAMID²

: noradha@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,

Tel: +6019-3096889 E-mail

ABSTRAK

Islam merupakan satu agama yang sering menjadikan perdamaian sebagai kaedah terbaik bagi menyelesaikan pertikaian. Ini semata-mata untuk menjamin sebuah kehidupan yang harmoni, bebas dari segala persengketaan dan pertelingkahan yang boleh memporak-perandakan kehidupan manusia. Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia sering kali tidak dapat lari daripada berhadapan dengan berbagai kesulitan, masalah, perselisihan dan pertikaian. Untuk itu, Islam tidak membiarkan umatnya tercari-cari jalan penyelesaian pada perkara tersebut tanpa memberikan jalan keluar dan meniupkan roh Islamiyyah ke dalamnya. Kaedah sulh merupakan satu konsep penyelesaian pertikaian di luar dan kaedah ini telah dijalankan di seluruh Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Perdamaian membawa takrifan salah satu ajaran pokok di dalam Islam yang membawa kepada hal atau perbuatan untuk berdamai. Di mahkamah Syariah, jawatankuasa pendamai sering memainkan peranan besar dalam memastikan pertikaian mampu diselesaikan. Kajian kualitatif ini menggunakan metod kajian perpustakaan serta dokumen seperti Al-Quran, buku dan kertas kajian. Kertas kerja ini akan memperhalusi konsep jawatankuasa pendamai dalam mengaplikasikan sulh di mahkamah Syariah serta peranannya. Kajian ini penting dalam memartabatkan konsep dan hikmah Sulh yang perlu dititikberatkan dalam Islam agar mampu dihayati serta diharmonikan oleh masyarakat.

Kata kunci: Sulh, Perdamaian, Jawatankuasa Pendamai, Aplikasi, Pertikaian

¹ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) (KUIS). Beliau boleh dihubungi menerusi email - anwar_alwalid@yahoo.com. Kertas Kerja ini dibentangkan di dalam 'International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)', 6 April 2021, secara atas talian.

² Prof. Madya di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) (KUIS). Beliau boleh dihubungi menerusi email - noradha@kuis.edu.my.

1.Pendahuluan :

Dalam menghadapi kehidupan seharian, semua makhluk di dunia ini akan cuba mendapatkan keharmonian supaya hubungan khususnya suami dengan isteri dapat dikekalkan. Dalam era globalisasi kini, kes perceraian banyak berlaku kerana kurangnya persefahaman dan komunikasi yang baik antara setiap pihak-pihak.

Oleh yang demikian, Allah telah berfirman agar manusia mencari penyelesaian yang baik agar hubungan sesama manusia kekal terpelihara. Firman Allah :

وَإِنِ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا
وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara baik) kerana perdamaian itu lebih baik.”³

(Surah An-Nisa : 128)

Sulh merupakan suatu sistem yang digalakkan oleh Allah supaya manusia dapat menyelesaikan segala pertikaian dengan teratur dan konflik mampu di remedi dengan baik. Sulh ialah salah satu daripada kaedah penyelesaian pertikaian yang ditawarkan dalam agama Islam. Pendekatan Sulh ini tidak asing lagi bagi umat Islam kerana sering kali dicatatkan penggunaannya di dalam sorotan sirah perkembangan agama Islam dari dulu hingga kini. Terdapat banyak kaedah penyelesaian pertikaian masalah di dalam Islam yang sering diguna pakai sejak dahulu seperti sulh (negosiasi), nasihat, qada’(penghakiman), tahkim (timbangtara), muhtasib, fatwa dan wali al-mazalim.⁴

Selain daripada itu, terdapat juga satu lagi hadis yang jelas menyatakan kepentingan dan keutamaan kaedah sulh dan perdamaian. Hadis daripada Amru bin Awf, Rasulullah bersabda :

“ Sulh, hukumnya adalah harus di antara orang Islam melainkan menjadi haram jika ianya mengharamkan apa yang dihalalkan dan menghalalkan apa yang diharamkan. Dan sebenarnya orang Islam itu terikat dengan janjinya kecuali dalam perkara yang mengharamkan apa yang telah dihalalkan dan sebaliknya.”⁵

(Hadis Riwayat al-Tarmizi)

Justeru, dapatlah dilihat menerusi hadis-hadis ini bahawasanya Sulh merupakan kaedah yang sangat penting dan sepatutnya didahulukan aplikasinya jika terdapat sebarang pertikaian sesama

³ Al-Quran. Surah An-Nisa. Ayat 128

⁴ Syed Khalid Rashid. 2004. *Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law*. The Vindobona Journal of International Commercial Law and Arbitration. hlm 105.

⁵ Hadis Riwayat al-Tarmizi

manusia, apatah lagi jika yang bertelingkah itu adalah sesama umat Islam. Dapatlah disimpulkan setakat ini bahawa menerusi hadis-hadis yang disertakan di atas, Nabi Muhammad mengiktiraf kedudukan kaedah sulh sebagai langkah perdamaian terbaik bagi mengelakkan pergaduhan dan menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku.

2.Konsep Sulh dan Perdamaian :

Dalam takrifan dari sudut bahasa, Sulh membawa maksud usaha untuk menyelesaikan sesuatu perselisihan, mencapai persetujuan antara pihak yang bertikai dan mewujudkan perdamaian antara kedua-dua pihak.⁶ Maksudnya dari sudut syarak pula ialah kontrak yang mewujudkan persetujuan dan menghentikan perselisihan.⁷ Sulh secara jelas telah banyak dinukilkan di dalam Al-Quran dan hadis yang secara jelas membawa sesuatu pertelingkahan atau pertikaian ke arah perdamaian dan keamanan.

Sulh itu sendiri membawa banyak definisi. Manakala sulh menurut istilah syara' di dalam Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah serta sebahagian ilmuwan seperti al-Sheikh Nazzam dan Qadri Basha pula menerangkan sulh ialah akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan redha meredhai.⁸

Terdapat juga sebahagian pendapat yang melabelkan Sulh sebagai mediasi. Mediasi boleh didefinisikan sebagai proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai. Ini bermakna mediasi merupakan perundingan secara terpimpin (assisted negotiation) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator.⁹

Dalam sistem mahkamah syariah di Malaysia pula, Dalam amalan mahkamah syariah, Sulh kerap kali digunapakai bagi menyelesaikan syiqoq atau perbalahan di antara pihak-pihak. Kaedah Sulh boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Ini termasuk runding cara atau kaunseling rumahtangga, Hakam dan Jawatankuasa Pendamai dalam isu syiqaq atau perbalahan dalam masalah rumahtangga dan Majlis Sulh atau Mediasi. Majlis Sulh boleh dihadiri oleh pihak-pihak itu sendiri atau dihadiri sama peguam syarie. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.¹⁰

Dari segi undang-undang yang dirujuk di Negeri Selangor, tiada peruntukan yang mendefinisikan Sulh dengan jelas. Namun demikian terdapat peruntukan mengenai Sulh dan meletakkan bahawa sulh itu dalam suatu bentuk proses berdasarkan prosedur tertentu yang digalakkan seperti contoh yang terkandung di dalam Enakmen Tatacara Mal dan Manual Kerja Sulh.

⁶ Mustofa Al-Khin. 2016. *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Shafi'i*. Jilid 6. Pustaka Salam. hlm 1419.

⁷ Ibid

⁸ Raihanah Azahari. 2005. *Sulh Dalam Perundangan Islam*. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

⁹ Salleh Buang. 2002. *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.

¹⁰ Siti Noraini, Zulkifli Hasan. 2008. *Perlaksanaan Sulh Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor*.

Berdasarkan definisi yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa Sulh merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai atau bersengketa hasil dari proses mediasi. Majlis Sulh akan berperanan sebagai orang tengah atau pemudahcara yang akan membantu menyelesaikan sebarang pertikaian pihak-pihak terlibat justeru akan menjimatkan masa mahkamah dan boleh menjimatkan kos, masa dan tenaga pihak-pihak yang bertikai.

3. Jawatankuasa Pendamai :

Jawatankuasa pendamai merupakan satu ahli jawatankuasa yang dianggap sebagai tunjang penting dalam pemakaian penyelesaian pertikaian alternatif di mahkamah Syariah Jika mahkamah berpendapat ada kemungkinan berlaku perdamaian semula di antara pihak-pihak yang bertikai, mahkamah akan melantik suatu Jawatankuasa Pendamai dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa itu. Jawatankuasa biasanya akan dianggotai oleh seorang pegawai agama sebagai pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri. Keutamaan diberi kepada saudara-saudara terdekat pihak berkenaan yang tahu akan hal kes berkenaan.

Dapat kita lihat di sini bahawa agama Islam sangat menganjurkan apabila berlakunya perselisihan di antara suami isteri sehingga ke peringkat yang kritikal hendaklah mereka menghantar seorang wakil dari kedua pihak yang berunding. Dengan sebab demikian, dinasihatkan supaya wakil yang dihantar untuk menganggotai jawatankuasa pendamai terdiri daripada kaum keluarga yang terdekat atau sahabat karib yang benar-benar mengetahui asal usul perselisihan yang berlaku dan hendaklah berusaha untuk mencapai jalan penyelesaian.¹¹

4. Peranan Ahli Jawatankuasa Pendamai :

Setiap wakil daripada pasangan yang berselisih mempunyai satu tugas untuk menyelidiki permasalahan utama yang dihadapi oleh kedua-dua pihak. Setelah mengetahui punca perselisihan maka wakil pasangan tadi hendaklah berbincang serta berusaha untuk mendamaikan semula pasangan suami isteri tersebut. Menurut pendapat fuqaha apabila berlaku perselisihan faham maka pihak berkuasa tempatan hendaklah menyerahkan kepada seseorang yang jujur dan dipercayai oleh kedua pasangan untuk diselidiki dan diselesaikan. Jika tidak dapat untuk diselesaikan juga, maka permasalahan ini diberikan kepada sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada wakil kedua pihak suami isteri yang dipercayai serta membuat keputusan untuk berdamai atau berpisah setelah kesemua masalah diselidiki dahulu.¹²

¹¹ Sheikh Ghazali Abdul Rahman. 2000. *Sulh dan Hakam dalam Undang-Undang Keluarga Islam*. Edisi 2. Gong Badak : Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

¹² Haji Salleh Buang. *Pembubaran Perkahwinan*. 1997. Kertas kerja dibentangkan di Langkawi. Kursus Pindaan Kerja Pegawai-pegawai Syariah Peringkat Jabatan Perdana Menteri. 27 November 1997.

5.Syarat-Syarat Perlantikan Ahli Jawatankuasa Pendamai :

Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan seseorang itu menjadi sebahagian anggota di dalam ahli jawatankuasa pendamai bagi mengaplikasikan kebaikan sulh seterusnya mencari titik penyelesaian di sebalik konflik yang berlaku.

Selain daripada itu, pihak yang bertikai juga diberi kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan dan segala maklumat yang dibincangkan akan dirahsiakan. Pegawai Sulh yang dilantik menjadi Jawatankuasa Pendamai hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki syarat-syarat tertentu iaitu :

i- Dianggotai oleh pihak-pihak yang menghadapi masalah dan juga dengan kehadiran pegawai Sulh.

ii- Perkara yang hendak didamaikan mestilah ada dan wujud kerana tanpa sesuatu masalah Sulh tidak akan wujud.

iii- Perkara yang diputuskan berkaitan dengan harta yang boleh dinilai serta dapat dibuat penyerahan atau sesuatu yang berharga dan ia diketahui kewujudan bagi tujuan melaksanakan perintah dan penyerahan.

iv- Hak yang dipertikaikan merupakan harta yang boleh dinilai atau sesuatu yang bermanfaat dan ia adalah hak seseorang yang harus ditukar ganti sekali pun bukan berbentuk harta.

v- Hak Allah adalah tidak sah dibuat Sulh seperti had zina, sedekah dan minum arak.

Jawatankuasa Pendamai ini hendaklah berusaha mencapai pendamaian dalam tempoh enam bulan atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah.¹³Semasa Jawatankuasa Pendamai menjalankan tugasnya, tiada Peguam Syari'e dibenarkan hadir atau bertindak bagi mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding di hadapan jawatankuasa ini dan pihak-pihak yang bertikai tidak boleh diwakili oleh sesiapa melainkan seorang daripada ahli keluarganya yang kari tanpa kebenaran jawatankuasa itu.

6.Prosedur Amalan Sulh Oleh Jawatankuasa Pendamai :

Prosedur sulh mesti dipatuhi oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai mahkamah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syari'e menjadi Pengerusi Majlis Sulh yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak atau diwakili atau dibantu oleh Peguam Syari'e masing-masing. Antara prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi ialah :

i- Sulh hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai Mahkamah yang dilantik oleh Hakim Syari'e.

¹³ Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan

ii- Dalam Majlis Sulh tersebut pihak-pihak yang boleh diwakili atau dibantu oleh Peguam Syari'e masing-masing.

iii- Pengerusi hendaklah di mana-mana mungkin membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara sulh tersebut.

iv- Sebaik sahaja Majlis Sulh selesai, pengerusi hendaklah melaporkan keputusan sulh tersebut kepada Mahkamah.

Dalam prosedur ini, Pendaftar atau Penolong pendaftar perlu memaikan peranan sebagai Pengerusi Majlis Sulh.

7.Kesimpulan :

Sebagai kesimpulannya, dapatlah kita amati bahawa masyarakat Islam di Malaysia sememangnya dari dahulu lagi cenderung ke arah menyelesaikan sesuatu masalah kekeluargaan melalui orang yang dipilih oleh mereka sendiri. Biasanya orang ini terdiri daripada ahli keluarga yang dihormati mereka atau seseorang yang dianggap berpengetahuan agama serta disegani. Tradisi ini telah lama diamal dengan masyarakat kita kerana mereka menganggap permasalahan keluarga merupakan masalah peribadi yang tidak perlu kepada orang luar untuk mencari jalan penyelesaian. Jika berlaku suatu konflik antara suami dengan isteri, mereka lebih selesa berbincang dengan ahli keluarga sebelum perkara ini dibawa ke institusi mahkamah.

Kesemua negeri di Malaysia telah membuat peruntukan berkenaan dengan pelantikan Jawatankuasa Pendamai jika syiqaq terus berlaku. Walaubagaimanapun, di bawah peruntukan ini, tidak terdapat satu panduan atau kaedah dan prosedur yang jelas berkaitan dengan pelantikan Jawatankuasa Pendamai. Malangnya peruntukan berkaitan dengan perlantikan Jawatankuasa Pendamai tidak diguna sepenuhnya. Setakat ini sebahagian kecil sahaja kes-kes di Mahkamah Syariah yang diarahkan oleh mahkamah supaya melantik Jawatankuasa Pendamai. Justeru, peruntukan ini perlu dikaji semula pemakaian dan keperluannya di bawah undang-undang keluarga.

Pemakaian Sulh dan usaha untuk mencari perdamaian bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan umat Islam. Pensyariatan untuk sulh ini telah diturunkan sejak zaman Nabi Muhammad lagi serta diaplikasikan seluasnya oleh Baginda, para sahabat, khalifah sehinggalah pengaruhnya dibawa kepada negara kita. Disokong pula oleh seruan Al-Quran dan hadis Nabi, sulh ternyata satu kaedah yang efektif dan berkesan dalam menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di antara pihak-pihak. Oleh yang demikian, besar harapan penulis agar sulh kembali menjadi pilihan utama masyarakat untuk menyelesaikan sebarang perselisihan demi mengecap keharmonian sejagat.

8.Rujukan

Al-Quran al-Karim

As-Sunnah

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1987. *The Malaysian Legal System*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ariffin Omar. 1995. *Sunnah Sebagai Bayan Kepada Al-Quran*. Islamiyyat 16

Syed Khalid Rashid. 2004. *Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law*. The Vindobona Journal of International Commercial Law and Arbitration. Farid Sufian Shuaib. 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Lexis Nexis.

<http://jksm.gov.my>

Ibnu Ishaq. 1955. *The Life Of Muhammad*. Oxford University Press

Imam At-Thabari. 2017. *Tafsir At-Thabari*. Jilid 6. Pustaka Azzam.

Isik Tamdogan. 2008. *Sulh and the 18th Century Ottoman Courts of Uskudar and Adana*. Islamic Law and Society

Mustofa Al-Khin. 2016. *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Shafi'i*. Jilid 6. Pustaka Salam.

Nora Abdul Hak Sa'odah Ahmad, Umar A. Oseni. 2011. *Alternative Dispute Resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press.

Raihanah Azahari. 2005. *Sulh Dalam Perundangan Islam*. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Salleh Buang. 2002. *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.

Sheikh Ghazali Abdul Rahman. 2000. *Sulh dan Hakam dalam Undang-Undang Keluarga Islam*. Edisi 2. Gong Badak : Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

Siti Noraini, Zulkifli Hasan. 2008. *Perlaksanaan Sulh Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor*.

Syed Khalid Rashid. 2004. *Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law*. The Vindobona Journal of International Commercial Law and Arbitration

Statut

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan

Majalla Ahkam al-Adliyyah

Arahan Amalan JKSM nombor 3 Tahun 2002

Manual Sulh JKSM